

Barisan perlu berkuasa lagi

UM 31 MAR 1986

P

Oleh
Idzan Ismail

KUALA LUMPUR 30 Mac — Barisan Nasional ingin terus memerintah negara bukan kerana tamak kuasa atau untuk kepentingan diri tetapi untuk menentukan negara dan rakyat mara maju dan makmur serta dihormati oleh seluruh dunia, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional berkata semua rakyat di negara ini menyedari bahawa cuma Barisan Nasional akan dapat terus menjamin kebahagiaan kehidupan rakyat di masa depan tanpa seoranganpun daripada mereka yang merana kerana kesusahan hidup.

Sambil berikrar kerajaan akan terus menjamin semua rakyat mendapat pembahagian yang adil di negara ini, beliau berkata: "Marilah kita membarui sokongan kita kepada BN untuk kebahagiaan dan kehidupan kita di masa depan.

"Usahakanlah untuk memperkukuhkan falsafah BN dengan hidup berbaik antara kaum dan jiran supaya negara terus makmur, kaya dan bahagia selama-lamanya dan dihormati di seluruh dunia," ujarnya semasa berucap kepada lebih 60,000 orang penduduk Selangor yang menghadiri perhimpunan rakyat di padang Taman Seri Keramat di sini.

Ucapannya selama sejam itu kerap tergendala oleh laungan "Hidup Mahathir," "Hidup Kerajaan BN", "Hidup Malaysia" daripada rakyat berbilang kaum yang datang dari seluruh pelosok Negeri Selangor.

Ucapannya yang banyak menumpukan perhatian kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh BN untuk kepentingan rakyat jelas ditujukan kepada pengkritik - pengkritik kerajaan kononnya BN tamakkan kuasa dan ingin memaksa kerajaan Negeri Sabah

BARISAN PERLU BERKUASA LAGI

menyertai kerajaan campuran.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Saya yakin rakyat tidak akan membiarkan negara ini dikuasai oleh orang-orang yang geram untuk memerintah kerana nafsu, semata-mata didorong oleh perasaan tamak dan pendapat yang sempit."

Beliau lalu berkata, jika beliau ditanya sama ada beliau ada kepentingan diri dalam kerja-kerja untuk negara ini, "jawapan saya ialah memang ada."

"Kita tidak mahu malu menjadi pemimpin negara yang orangnya daif dan miskin. Kita mahu terus berusaha untuk membangunkan negara dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat kerana tidak mahu malu."

Perdana Menteri menekankan jika kerajaan menjadi pemimpin rakyat yang susah, ini bermakna kerajaan tidak mempunyai sesuatu penghargaan bagi diri sendiri.

Katanya, sudah tentu kerajaan berasa bangga jika dapat memimpin negara dan bangsa yang maju yang boleh megah dengan kejayaannya mempunyai segala kebolehan dan keistimewaan yang tidak boleh ditandingi oleh negara-negara lain di dunia.

"Kita berasa malu menjadi pemimpin kepada rakyat yang miskin dan tidak ada tempat untuk meletakkan muka apabila berjumpa dengan pemimpin daripada negara - negara lain di dunia."

Datuk Sri Dr. Mahathir kesal kerana ada setengah - setengah orang yang sengaja berkata kepada

orang asing bahawa kerajaan pimpinannya terlalu berangan - angan tinggi.

"Mereka ini bercakap dengan orang-orang asing kononnya orang Malaysia terlalu berangan - angan tinggi, maka orang asing akan memandang tinggi kepada mereka," tambahnya.

Tetapi, katanya, sebaliknya orang asing berpandangan rendah orang-orang berkenaan kerana menjatuhkan maruah bangsa dan negara sendiri.

"Sebagai satu bangsa, janganlah kita menjatuhkan maruah negara kita. Kita mesti mempunyai penuh keyakinan untuk membuat itu dan ini dan boleh bersaing serta bertanding dengan bangsa lain di dunia."

Beliau yakin dengan sokongan dan dedikasi semua rakyat Malaysia, kerajaan dapat mengatasi semua rintangan menjadikan bukan sahaja negara yang dipandang tinggi tetapi juga diiktiraf sebagai negara perindustrian termoden dan terkuat di dunia.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya yakin dengan kebolehan sendiri dan jangan selalu mencaci negara sendiri kerana ini akan menyebabkan negara lain memandang hina terhadap Malaysia.

"Ramai yang ketawa apabila kita merancang membuat kereta sendiri, tetapi yang mencaci itu sekarang ini yang membawa kereta Proton Saga ke sana ke mari."

Beliau berkata rakyat patut berbangga dengan kejayaan negara sehingga dapat memasarkan ke-

reta buatan sendiri bukan sahaja dalam negara tetapi telah mendapat pesanan oleh 20 negara asing untuk dieksport ke negara mereka.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa tidak menjadi masalah mempunyai rakyat berbagai keturunan di negara ini kerana dengan kebolehan masing-masing dapat digerakkan menjadi satu tenaga raksasa yang dapat menegakkan satu negara yang dihormati di seluruh dunia.

"Nasib masa depan negara kita ada di tangan kita dan terpulanglah kepada kita untuk memperjuangkan bangsa dan tanahair sendiri. Saya yakin jika semua mempunyai semangat, rajin bekerja dan sanggup menghadapi segala rintangan, kita akan menjadi bangsa yang dihormati dan disanjung tinggi," jelasnya.